



PEKELILING AKADEMIK BILANGAN 5 TAHUN 2025

PEMAKLUMAN PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PADA SEMESTER II SESI 2024/2025 UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)

Pejabat Pendaftar
28 Januari 2025

Disalin kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
Pegawai-Pegawai Kanan
YDP Majlis Perwakilan Pelajar

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTEM.100-1/3/6 Jld. 2 (31)

28 Januari 2025

PEKELILING AKADEMIK BIL. 5/2025

PEMAKLUMAN PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PADA SEMESTER II SESI 2024/2025 UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)

1.0 TUJUAN

Pekeliling Akademik ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf dan pelajar berhubung pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi Semester II Sesi 2024/2025 di Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

2.0 PELAKSANAAN PdP SEMESTER II SESI 2024/2025

2.1 Adalah dimaklumkan bahawa bersempena dengan perayaan Hari Raya Aidilfitri tahun 2025, Mesyuarat Senat Bil. 1/2025 yang bersidang pada 22 Januari 2025 telah memutuskan ketetapan seperti berikut;

2.1.1 Pendaftaran Pelajar Baharu

Pendaftaran pelajar baharu untuk Semester II Sesi 2024/2025 akan dilaksanakan secara dalam talian pada **17 Mac 2025**.

2.1.2 Pelaksanaan PdP

PdP Dalam Talian: PdP untuk pelajar baharu dan pelajar kanan akan dilaksanakan secara dalam talian mulai **17 Mac 2025 hingga 6 April 2025**.

PdP Secara Bersemuka: PdP akan dilaksanakan secara bersemuka/fizikal mulai **7 April 2025** dan seterusnya.

3.0 PELAKSANAAN

Semua pihak yang terlibat hendaklah merancang dan melaksanakan aktiviti PdP mengikut ketetapan yang dinyatakan dalam pekeling ini.

Kerjasama dan perhatian semua warga Universiti amatlah dihargai bagi memastikan pelaksanaan ini berjalan lancar.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menjalankan amanah,



MASDZARIF BIN MAHAT
Ketua Pegawai Operasi
Universiti Teknikal Malaysia Melaka